



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN PROGRAM SEMARAK @MUZIUM LABUAN 2024 DAN BICARA SEJARAH DAN KOMUNITI LABUAN

---

**LABUAN, 2 Mac 2024** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Program Semarak @Muzium Labuan 2024** dalam usaha **memperkukuhkan hubungan antara masyarakat tempatan dengan warisan budaya negara.**

Muzium Labuan juga memegang beberapa **khazanah warisan penting** termasuk artifak batu dari zaman Neolitik, koleksi dari peristiwa perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, serta batu peringatan dari peristiwa sejarah seperti penyerahan Labuan kepada British dan pembebasan semasa Perang Dunia Kedua.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa dalam usaha untuk terus memperkasakan warisan budaya negara, beliau berharap agar **Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dapat bekerjasama dengan Jabatan Warisan Malaysia (JWM) untuk mengiktiraf Muzium Labuan sebagai bangunan atau tapak Warisan Kebangsaan** pada masa akan datang. Muzium Labuan **mencatat rekod seramai 1,154,610 pengunjung** yang telah mengunjungi premis ini sejak pembukaannya hingga tahun 2023. Ini menunjukkan betapa pentingnya **peranan muzium dalam menyampaikan warisan kepada generasi muda.**

**Muzium Marin Labuan turut mendapat pengiktirafan bagi Rangka Ikan Paus Indian Fin sebagai Objek Warisan Kebangsaan.** “Ini merupakan pencapaian besar dan sudah tentu menjadi kebanggaan bukan sahaja penduduk Labuan tetapi juga negara kita Malaysia,” ujar YB Datuk Aaron.

Beliau turut mengumumkan **pelaksanaan Sistem Terimaan Hasil Secara Elektronik (Cashless) yang akan bermula pada bulan April 2024.** Muzium Negara akan menjadi projek rintis bagi penggunaan sistem ini, diikuti oleh muzium-muzium lain di bawah JMM yang bertiket.

Beliau juga telah melancarkan **kalendar acara JMM 2024 yang merangkumi 122 program yang melibatkan 22 buah muzium** sebagai usaha untuk merejuvenasikan muzium agar lebih dekat dengan masyarakat.

Sementara itu, dalam rangka lawatan kerjanya ke Labuan, YB Datuk Aaron turut berkesempatan merasmikan **Program Bicara Sejarah dan Komuniti Wilayah Persekutuan Labuan**.

Arkib Negara Malaysia (ANM) akan melaksanakan **program pengesanan, kajian, penyelidikan dan perolehan bahan sejarah negara yang tersimpan di institusi kearkiban luar negara seperti United Kingdom, Turki dan Belanda**.

YB Menteri Perpaduan Negara berharap pelaksanaan kedua-dua program ini akan **terus dapat memperkukuh perpaduan dan pengetahuan terhadap warisan budaya dalam kalangan masyarakat tempatan**.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

2 Mac 2024

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )